

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

## ECRL diteruskan dengan pengurangan kos RM11.01 bilion

### ECRL diteruskan dengan pengurangan kos RM11.01 bilion

**Putrajaya:** Kerajaan memutuskan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) diteruskan dengan pengurangan kos sebanyak RM11.01 bilion berbanding kos keseluruhan asal berjumlah RM65.97 bilion yang diluluskan pada 2016.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kos keseluruhan ECRL lebih rendah walaupun ada penambahan permohonan dari segi kos berikutan laluan baharu dan projek itu masih terikat dengan perjanjian lama.

"Walaupun ada sedikit penambahan kerana pembiayaan tambahan bagi menampung penjaran semula projek ECRL yang kita luluskan, tetapi ini menyebabkan keseluruhan kos itu di-

turunkan sebanyak RM11.01 bilion," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Kabinet, semalam.

Anwar berkata, kerajaan memutuskan untuk meneruskan projek yang diluluskan dahulu dan tidak membawa banyak perubahan kerana ia akan melambatkan proses pelaksanaan kerja serta rundingan sedia ada.

"Tahniah kepada Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Kerja Raya yang dapat bantu mempercepatkan proses rundingan ini dan akhirnya dapat menurunkan kos keseluruhannya berbanding apa yang diluluskan pada 2016," katanya.

Projek ECRL sepanjang 665 kilometer (km) memabitkan



Projek ECRL sepanjang 665 kilometer memabitkan pembinaan 59 terowong.

(Foto hiasan)

pembinaan 59 terowong itu merangkumi kerja pembinaan di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor dan akan dibina dengan reka bentuk bebas daripada bencana banjir.

Kos projek diumumkan Anwar bagaimanapun berbeza dengan kenyataan bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong pada Disember 2021 yang menyatakan kos ECRL kekal pada RM50.27 bilion

biarpun selepas kerajaan Selangor meluluskan cadangan Jajaran Utara ECRL Seksyen C.

Ka Siong berkata, keputusan kerajaan Selangor itu akan memuktamadkan pembinaan jajaran ECRL sejauh 665km yang merangkumi 59 terowong serta beberapa jejambat dengan panjang keseluruhan 127km.

"Anggaran kos RM50.27 bilion ini mengambil kira kerja terowong berkembar Genting sepanjang 16.39km dan Terowong

Serendah sepanjang 14.10km," kata Ka Siong.

Sebelum ini, kerajaan Selangor menjelaskan tanah seluas 758.47 hektar di negeri itu diperuntukkan untuk pembinaan ECRL, memabitkan daerah Gombak, Klang, Kuala Selangor dan Hulu Selangor.

Laluan sepanjang 90.27km dalam Selangor memabitkan jajaran bertingkat sepanjang 27.84km di atas tanah sepanjang 33.93km dan terowong 28.5km